

BAB

7

PERANAN WANITA DALAM ADAPTASI TEKNOLOGI

*Muhammad Fitri Ab Kadir, Siti Suhaila Ihwani, dan
Nurhasmiza Abu Hasan Sazalli*

7.1 PENGENALAN

Peranan yang dimainkan oleh lelaki dan wanita dalam era globalisasi kontemporari serta pertumbuhan teknologi yang pesat telah mengalami perubahan yang sangat ketara. Teknologi yang sentiasa berkembang ini telah membawa pelbagai perubahan dalam aspek kehidupan manusia. Dalam konteks ini, golongan wanita didapati semakin bergiat aktif dalam sektor-sektor tertentu, contohnya sektor pendidikan dan keusahawanan. Namun demikian, kepesatan tersebut sedikit sebanyak menzahirkan cabaran dan peluang kepada golongan wanita khususnya. Hal ini dapat diperhatikan melalui laporan oleh Mazalan (2019) yang menjelaskan terdapat jurang yang ketara dalam penglibatan wanita dalam industri kejuruteraan serta sains dan teknologi, dengan hanya 28% penglibatan wanita jika dibandingkan dengan lelaki. Ini menunjukkan bahawa pembabitan wanita pada era kecanggihan teknologi yang semakin pesat dalam sektor tertentu masih lagi pada tahap yang begitu rendah. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diberikan perhatian agar golongan wanita diberikan peluang untuk merapatkan jurang yang ada, sekali gus mewujudkan keseimbangan dalam bidang tersebut.

Selain itu, sumber utama Islam yang tulen, iaitu al-Quran, sangat menggalakkan pemerolehan pengetahuan dan renungan terhadap alam semula jadi walaupun tidak menjelaskan secara khusus mengenai teknologi. Sebagai contoh, menurut dapatan kajian daripada Ratumape et al. (2023) menunjukkan bahawa pendidikan sains moden banyak mendapat manfaat daripada pengajian al-Quran, yang mana mampu meningkatkan pengetahuan dalam bidang fizik, kimia, biologi, matematik, perubatan, dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa agama Islam tidak hanya memfokuskan kepada bidang tertentu sahaja seperti ibadah, bahkan ilmu yang diambil daripada sumber wahyu al-Quran bersifat komprehensif dan menyeluruh. Oleh yang demikian, umat Islam memiliki kelebihan yang terkedepan dalam menghadapi zaman teknologi kini. Justeru, Islam sangat memberi dorongan kepada umatnya untuk sentiasa mengikuti perkembangan semasa.

Pelbagai pihak juga turut memberikan penekanan terhadap pembangunan sains dan teknologi supaya dapat mencetuskan impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial kerana menyedari akan kepentingannya dalam pembangunan masyarakat. Menurut Lekhraj dan Seng (2020) dan Irna Zainuddin et al. (2022), berlakunya pertumbuhan dan pembangunan melalui kemajuan sains dan teknologi di kebanyakan negara perindustrian, tetapi berbeza keadaannya di negara kurang maju. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa penyertaan wanita juga diperlukan agar selari dengan perkembangan sains dan teknologi yang kian pesat.

Tambahan pula, pemerksaan wanita dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM) menjadi keperluan yang penting supaya masyarakat mampu bergerak seiring dengan kemajuan. Sumbangan wanita dalam STEM dapat menggalakkan penjana pendapatan ekonomi yang mampan dari aspek keluarga dan negara yang proaktif (Rashid et al., 2021). Di samping itu, penglibatan wanita dalam keusahawanan dan ekonomi yang berasaskan digital juga penting pada zaman kini untuk memacu pembangunan yang menyeluruh dan saksama. Hal ini disokong oleh kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan

elemen digital seperti internet dengan pengukuhan dari aspek keusahawanan dalam kalangan wanita (Omar & Rahim, 2015). Menyedari akan kepentingan perkembangan teknologi pada zaman kini kepada kemajuan masyarakat khususnya kepada golongan wanita, penyelidikan ini telah dijalankan.

7.2 KESUKARAN MENGADAPTASI TEKNOLOGI

Golongan wanita berstatus tidak bekerja seperti suri rumah mahupun golongan yang berkerjaya seperti pendidik dan usahawan, menghadapi cabaran dalam mengejar kemajuan teknologi yang berkembang pesat. Antara permasalahan yang mereka hadapi ialah akses yang terhad kepada teknologi. Menurut dapatan kajian oleh Radin Eksan et al. (2022), 77.8% daripada responden kajian yang daripada kalangan suri rumah tidak menggunakan telefon pintar atau internet, sama ada salah satu atau kedua-duanya sekali. Angka peratusan yang tinggi ini menunjukkan bahawa golongan ini tiada akses kepada kemudahan teknologi yang sebenarnya mempunyai potensi besar untuk meningkatkan taraf hidup dan memudahkan urusan harian mereka.

Selain itu, golongan wanita yang mempunyai kerjaya sebagai guru turut berhadapan dengan cabaran yang berkaitan dengan teknologi. Mereka menghadapi kekangan dalam melazimi penggunaan teknologi yang bersesuaian. Sebagai contoh, menurut kajian oleh Rusdin dan Ali (2019), majoriti guru menghadapi masalah untuk melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) kerana kekurangan kemudahan sumber teknologi sehingga menimbulkan kepayahan kepada mereka berikutan infrastruktur yang terhad, sekali gus memaksa mereka untuk meneruskan sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) dengan kaedah konvensional.

Golongan usahawan wanita juga menghadapi kekangan dalam menggunakan teknologi sebagai medium dalam perniagaan mereka. Sebagaimana yang sedia maklum, perniagaan kini telah menunjukkan peralihan yang ketara dengan kemunculan perniagaan dalam talian, di mana teknologi memainkan peranan penting dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan melalui rangkaian internet. Namun